

Sekularisme Islam liberal berbahaya

Toleransi agama dibolehkan, bukan kompromi kalimah Allah

Oleh Kamal Ahmad
rencanabh@harian.com.my

DIKA toleransi agama mahu disuburkan di negara ini menerusi majlis perundingan antara agama, ia mesti ditafsir dan dipaparkan semula konsepnya kepada umum dengan jelas. Ini perlu untuk merealisasikan hasrat semua pihak yang mahu mencari kefahaman dalam perhubungan harmoni antara penganut agama. Tafsirannya pula mesti bertunjangan Islam, sejajar statusnya sebagai agama rasmi di negara ini serta nilainya yang sejagat.

Kebanyakan pertemuan dan dialog antara agama menjurus kepada usaha menonjolkan persamaan, tetapi tidak membentangkan perbezaan sedangkan hakikatnya perkara itu juga mesti saling difahami supaya mampu meningkatkan kefahaman masing-masing. Sebarang perbincangan atau dialog harus dibuat dengan meneliti semua sudut persamaan dan tidak menyembunyikan perbezaan.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata: "Kita boleh toleransi dalam agama, iaitu dalam aspek menghormati agama orang lain, tetapi kita tidak boleh berkompromi atas kalimah Allah kerana Allah itu satu (Esa). Itulah sebabnya konsep toleransi agama yang cuba dipromosikan pihak tertentu tidak sesuai digunakan dalam acuan masyarakat majmuk negara ini."

Justeru, beliau menyelar tindakan pemimpin parti politik tertentu yang cuba mempromosikan toleransi agama dari perspektif salah semata-mata untuk meraih sokongan pengundi dan mencapai matlamat politik. Ditanya mengenai gerakan Islam liberal itu, Zahid berkata: "Syirik!" Diminta mengulas sama ada kerajaan menyedari gerakan itu, beliau berkata: "Saya sedar. Sebab itu, saya pernah membawa perkara ini (isu gerakan Islam liberal) ke Parlimen dulu."

Zahid turut kesal pihak yang sempit kefahamannya berhubung pendirian Islam terhadap agama lain dan mengaitkan sesuatu tindakan dengan mudah dianggap jihad. "Maksud jihad dalam Islam bukan hendak bunuh orang. Tetapi kita mesti berpegang kepada firman Allah dalam Surah al-Kafirun ayat keenam yang bermaksud: *Untukmu agamamu, dan untukku agamaku*. Tafsir ayat itu ialah kita harus menghormati agama lain seperti mana agama lain harus menghormati agama kita," katanya.

Seorang pengkaji pengajian Islam, Dr Ibrahim Abu Bakar, berkata toleransi agama dalam perspektif Islam ialah mengizinkan orang lain menganut agama mereka selama mereka tidak mengganggu-gugat keamanan dan tidak menyeru orang Islam menganut agama mereka.

"Dalam konteks lebih ringkas, toleransi agama ialah setiap agama dan penganutnya mengamalkan ajaran agama masing-masing tanpa mengganggu ajaran agama lain," katanya sambil menambah umat Islam mesti mempunyai perbezaan konsep ketuhanan dalam aspek tertentu dalam toleransi agama kerana itulah yang membezakan konsep ketuhanannya dengan agama lain.

Beliau berkata, dalam konteks sekarang, isu kalimah Allah membabitkan pertikaian soal sama ada perkataan Allah itu inklusif atau eksklusif untuk orang Islam. "Tetapi kelompok Islam liberal ini menganggap itu inklusif bukan eksklusif. Maknanya sesiapa pun boleh memiliki



Dr Ibrahim Abu Bakar

atau menggunakan kalimah itu.

"Daripada pemerhatian saya, jika kita rujuk kepada isu kalimah Allah maka ramai penyokong Islam liberal (di negara ini mahu) supaya kalimah itu dibuka atau digunakan orang lain (bukan Islam). Kenyataan ini datang daripada orang Islam sendiri yang mungkin mempunyai fahaman toleransi beragama, kesamarataan atau mungkin juga terpengaruh dengan pluralisme agama dengan pengertian semua agama itu sama," katanya.

Dr Ibrahim berkata, Islam juga mempunyai pendirian tersendiri berhubung kebebasan dan toleransi terhadap agama lain seperti disebut antaranya dalam Surah al-Kafirun dan Surah al-Baqarah yang menegaskan tiada paksaan terhadap seseorang supaya menganut Islam.

"Maknanya kita tidak boleh paksa penganut Buddha, Hindu atau Kristian memeluk Islam. Tetapi dalam fahaman Islam liberal, kita juga tidak boleh menghalang penganut Islam jika mahu memilih agamalah. Kononnya hukuman murtad sudah tidak sesuai kerana urusan agama seseorang adalah antara dia dengan Tuhan," katanya.

Beliau berkata, antara ciri fahaman Islam liberal yang mendakwa mendukung toleransi agama secara salah ialah kebanyakan hukum Islam yang dilaksanakan pada zaman Rasulullah SAW dikatakan hanya sesuai ketika itu dan tidak sesuai lagi sekarang. Contohnya, memakai jilbab adalah budaya Arab dan sesuai zaman dulu dan ia kini dikatakan tidak lagi sesuai sekarang dan bukan budaya Islam.

"Mereka juga mendukung pluralisme agama yang antara cirinya ialah semua agama menuju kepada Tuhan, walaupun berbeza caranya dan semua agama adalah betul. Tetapi satu lagi pluralisme agama ialah tidak semua agama dikatakan betul oleh agama lain.

"Mereka ini juga cuba memberi tafsiran secara konteks berasaskan keadaan sosial, cuaca dan perubahan manusia. Contohnya, pengharaman arak kerana cuaca di negara Arab panas dan tidak sesuai penduduk meminumnya. Tetapi jika meminum arak di negara sejuk tidak menjadi masalah kerana penduduknya perlu memanas badan," katanya.

Islam liberal juga, katanya, membenarkan perkahwinan antara agama dan menyifatkan hukum memotong tangan pencuri sebagai tidak berperikemanusiaan. "Bagi mereka ini, Islam diturunkan untuk membebaskan manusia daripada kongkongan sosial," katanya.

Ditanya kesan fahaman Islam liberal kepada rakyat sekarang dan generasi akan datang, Dr Ibrahim berkata: "Saya berasa jika pemikiran itu mempengaruhi pemikiran mereka, maka mereka tidak akan menerima hukum Islam sebagai satu hukum yang sah untuk zaman ini. Bahkan mereka akan melihat sebahagian besar hukum Islam ini sudah tidak relevan dengan masa kini.

"Bagi golongan Islam liberal, agama itu urusan peribadi mereka dengan Tuhan dan tiada kena mengena dengan kerajaan, negara atau masyarakat. Jika kita terima konsep ini maknanya kita terima sekularisme secara meluas," katanya.

Masyarakat dunia memberi fokus mengenai isu agama yang dikaitkan dengan kegiatan radikal, keganasan dan kumpulan militan. Dari sudut lain, agama dilabelkan untuk orang kolot, melampau dan mundur. Rata-rata tanggapan dan label ini dikenakan kepada umat Islam. Dari situ muncul gerakan mempromosikan Islam yang lebih rasional dan kontemporari untuk menukar imej Islam supaya sejajar dengan perubahan semasa. Akhirnya, matlamat gerakan itu ialah melahirkan komuniti Islam moden yang liberal seperti komuniti Barat.

Dari satu sudut, visi Islam liberal didakwa sangat berpotensi untuk memberi imej Islam yang rasional kepada dunia, namun sudut lain melihat itu sebagai jauh menyimpang daripada landasan Islam sebenar. Dr Ibrahim berkata, menurut majoriti cendekiawan Islam, Islam liberal disifatkan menyimpang daripada prinsip kesejagatan Islam. Justeru, gerakan Islam liberal ditolak negara Islam, termasuk di Malaysia dan Indonesia.

"Itu (gerakan Islam liberal) tidak boleh disekat. Cuma pendidikan di sekolah mampu membentuk kekukuhan fahaman sebenar dengan mengatakan hukum Islam itu sesuai untuk setiap zaman dan bukan sesuai pada masa dan tempat tertentu. Islam sebenarnya adalah agama sejagat, sekali gus sah untuk semua tempat dan masa," katanya.

Cakap-cakap

RAMAI penulis veteran dan muda menerima Hadiah Sastera Perdana yang disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin malam kelmarin. Inisiatif Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menghidupkan semula pemberian anugerah seperti ini menjadi semangat baru kepada penulis tanah air untuk mereka terus berkarya.

Mamat - Muhyiddin arah adakan setiap tahun

